

# Fasa norma-normal

NST 29.5.2020 P.12

**Pandemik COVID-19 memberi pengajaran bahawa sesuatu yang pelik tidak selamanya aneh, dan sesuatu yang aneh itu jangan dipandang sebelah mata, atau tidak dipandang langsung. Sesuatu keadaan luar jangka boleh mengubah tanggapan seperti itu. Hal demikian telah pun terbukti hari ini. Sebelum wabak diisytiharkan sebagai pandemik, ramai yang berasa tidak selesa untuk memakai pelitup separuh muka. Ketidakselesaian ini disebabkan perlakuan demikian merupakan pengalaman baharu.**

Selain itu, pemakaian pelitup separuh muka bagi kebanyakan orang adalah suatu yang merimaskan. Malah, ada yang mungkin berasa penampilan dirinya akan kelihatan ganjil dan seumpamanya bila memakai pelitup separuh muka.

Hakikatnya, pemakaian pelitup separuh muka adalah langkah keselamatan yang penting dalam melindungi diri dari terkena jangkitan COVID-19. Selagi mana vaksin untuk melawan jangkitan penyakit ini belum ditemui, maka selagi itulah amalan memakai pelindung ini akan meminimalkan risiko dari serangan pembunuh tanpa belas ini. Hatta, pada hari ini, jika kita tidak memakai pelitup separuh muka dalam khalayak yang ramai, kemungkinan besar kita akan berasa agak kekok dan janggal. Ini adalah bertentangan dengan keadaan sebelum terjadinya COVID-19.

Malah kita mungkin berprasangka bahawa orang lain

sedang menilai diri kita sebagai tidak bertanggungjawab disebabkan tidak mengendahkan saranan kerajaan dalam mengelak dari menjadi punca kepada penularan COVID-19. Pendek kata, dalam meniti kembali kehidupan selepas ini, cara berfikir dan persepsi akan bersandarkan kepada norma baharu sebagai rujukan yang menentukan pertimbangan. Dalam banyak hal, kita perlu mendorong diri kita untuk melakukan normal yang baharu. Apa yang pasti, kini masyarakat sedang menyesuaikan diri dengan dua fasa norma-normal.

Fasa pertama, memahami dan menterjemah definisi yang betul mengenai norma dan normal. Sangat mencuit hati apabila masyarakat sendiri terkeliru dengan perbezaan penggunaan perkataan norma dan normal. Ada yang menggunakan perkataan norma dalam ayat yang merujuk kepada normal, dan sebaliknya. Dengan kata lain, berlaku kecelaruan penggunaan perkataan dalam bahasa perbualan mahupun penulisan terhadap kedua-dua perkataan ini. Sewajarnya, bukan nama Kiah (maccik Kiah) yang meletup-letup, tetapi nama Norma (maccik Norma) yang saban hari dihadapi masyarakat.

Norma sebenarnya merujuk kepada peraturan atau ketentuan, manakala normal bermaksud tindakan atau tingkah laku yang menurut aturan. Ketika ramai yang masih terkial-kial menghadam maksud perkataan ini, fasa kedua norma-normal sudah pun rancak

berjalan. Fasa kedua norma-normal ini bakal berhadapan dengan persoalan bagaimanakah bentuk penyampaian atau delivery itu sepatutnya dilakukan agar ianya bukan sahaja memberi kepuasan tetapi juga memenuhi keperluan pengguna.

Sebagai contoh, kewajipan hadir bekerja 40 peratus pekerja perlu dan 30 peratus pekerja tidak perlu atau kurang mendesak. Dalam hal ini, pengkategorian yang dilakukan mungkin sukar diterjemahkan di pelbagai jabatan atau fakulti (dalam konteks universiti). Ini disebabkan oleh perbezaan tugas dan konteks kerja. Walhal dalam sesetengah organisasi seperti universiti, ukuran kejayaan adalah berdasarkan kepada pencapaian berpasukan yang memerlukan sumbangan perkhidmatan tidak perlu juga. Contoh lain ialah mengenai kaedah selamat menggunakan lif. Di mana penjarakan sosial dalam lift hanya akan menghadkan muatan lif. Justeru, mungkin ada pendekatan terbaik boleh diperhalusi semula. Ini disebabkan ruang yang ada dalam lift tidaklah sebesar mana.

Di universiti, para penyelidik telah diberikan penerangan mengenai konsep penyelidikan semasa pandemik. Kemungkinan akan timbul masalah ketika menjalankan penyelidikan kelak sekiranya para pensyarah atau penyelidik masih tidak beradaptasi dengan pendekatan yang disarankan. Di pihak penerima impak atau responden pula ke-



fahaman terhadap bentuk kerjasama yang diharapkan oleh penyelidik mungkin tidak dapat difahami dengan baik. Akibatnya, kajian tidak dapat berjalan dengan lancar.

Oleh hal yang demikian, walaupun berdepan dengan keterhadan kebebasan akibat pandemik COVID-19, elok difikir-fikirkan oleh setiap organisasi akan pandangan dan cadangan mengenai pendekatan yang sesuai dalam memastikan pelbagai aktiviti fasa norma-normal ini berjalan lancar.

Dr. Jakaria Dasan, Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, berkepakaran dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. -Oleh Dr Jakaria Dasan